



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 34

Rabu

25 Oktober 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah di Hospital Sibu, Poliklinik Sibu dan
Klinik 1Malaysia di Sibu**
– YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (*Lanang*) [Halaman 1]
- **Pelaburan China di negeri Sabah**
– YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh (*Sandakan*) [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 25 Oktober 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah di Hospital Sibu, Poliklinik Sibu dan
Klinik 1Malaysia di Sibu**

2.34 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sibu sudah lama menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta. Saya ingin tahu, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Saya mencadangkan supaya kerajaan membina satu tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sibu supaya rakyat tidak perlu membazirkan masa untuk mencari tempat letak kereta. Sudah banyak kali saya menerima aduan bahawa rakyat perlu membazir masa selama satu atau dua jam untuk mencari tempat letak kereta dan akhirnya mungkin perlu meletakkan kereta di tempat yang tidak dibenarkan dan kadangkala dikenakan saman polis trafik.

Selain itu, saya ingin meminta supaya lebih banyak doktor pakar ditempatkan di Hospital Sibu. Sering kali pesakit diarahkan ke Hospital Kuching atau Kuala Lumpur kerana tiada doktor pakar di Sibu. Keluarga pesakit perlu menanggung kos yang amat tinggi apabila pesakit ditujukan ke Hospital Kuching atau Kuala Lumpur. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian apabila keluarga pesakit tidak mampu membayar tambang pengangkutan dan kos kediaman apabila pesakit diminta pergi mendapatkan rawatan di hospital lain.

Saya juga ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai pengumuman yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak di mana satu poliklinik baru yang diperuntukkan sebanyak RM40 juta akan dibina di Sibu. Adakah projek ini

telah diluluskan? Saya amat mengalu-alukan dan menyokong pembinaan sebuah poliklinik baru di Sibu kerana poliklinik yang sedia ada masih tidak cukup untuk menampung keperluan pesakit.

Di Poliklinik Oya, pesakit pernah menunggu giliran dengan meletakkan kad rawatan mereka di atas lantai untuk berbaris kerana tidak mampu untuk berdiri lama. Sasaran masa menunggu kurang dari 90 minit tidak tercapai. Tambahan pula, ruangan menunggu juga terlalu kecil dan tidak ada alat penghawa dingin. Saya ingin minta supaya kementerian dapat memperluaskan dan menaiktarafkan Poliklinik Oya supaya memberikan keselesaan kepada pesakit yang terlalu banyak.

Di samping itu, saya ingin tahu jumlah Klinik 1Malaysia yang terdapat di Sibu dan Klinik 1Malaysia yang mana adanya pegawai perubatan tetap. Saya pernah melawat ke Klinik 1Malaysia di Permai, Sibu. Saya terkejut melihat seorang *medical assistant* yang membuat pendaftaran dan dia juga yang memberi ubat kepada pesakit. Adakah ini menunjukkan kekurangan anggota kumpulan yang bertugas di Klinik 1Malaysia itu.

Saya merayu supaya semua Klinik 1Malaysia ditempatkan pegawai perubatan dan anggota kumpulan sokongan yang secukupnya supaya pesakit tidak perlu pergi ke poliklinik yang sudah sesak dan sibuk. Saya juga mencadangkan supaya lebih banyak jenis ubat disediakan di Klinik 1Malaysia supaya pesakit tidak selalu menerima *Paracetamol* sahaja apabila pergi ke Klinik 1Malaysia. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lanang. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum akan masalah berhubung kekurangan petak tempat letak kereta di Hospital Sibu. Antara langkah yang sedang diambil oleh KKM ialah perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*) melalui kaedah *build-operate-transfer* (BOT).

KKM kini dalam proses untuk merintiskan pelaksanaan projek ini terlebih dahulu di dua buah hospital kerajaan di Lembah Klang yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan tempat letak kereta yang kritikal bagi memastikan projek tersebut berdaya saing. Sekiranya projek ini berjaya, pelaksanaan projek akan diperluaskan ke lain-lain hospital yang mengalami masalah kekurangan TLK yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2017, bilangan Pegawai Perubatan Pakar pelbagai bidang di Hospital Sibul adalah seramai 39 orang. Bilangan ini meningkat sebanyak 18 peratus berbanding tahun 2014 iaitu seramai 32 orang.

Selain itu, kerajaan juga telah menambah perkhidmatan baru di Hospital Sibul, iaitu perkhidmatan subkepakaran pembedahan neuro yang telah pun dimulakan pada tahun 2014 dan kepakaran patologi pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, seluruh negara masih lagi mengalami kekurangan bilangan doktor pakar subkepakaran secara umumnya.

Oleh yang demikian, penghantaran pesakit yang memerlukan rawatan lanjut di bawah bidang subkepakaran ke Kuching mahupun ke Kuala Lumpur dilakukan kerana kekurangan doktor pakar subkepakaran. Selain itu, doktor pakar subkepakaran memerlukan peralatan yang khas dan mahal di samping penyelenggaraan spesifik yang hanya terdapat di bandar-bandar besar.

Untuk makluman, belum ada kelulusan bagi pembinaan klinik kesihatan yang baharu di kawasan Sibul. Kementerian mengambil maklum akan peningkatan kedatangan pesakit di Klinik Kesihatan Oya, Sibul berbanding dengan kapasiti klinik iaitu Klinik Kesihatan Jenis 3. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan sebuah lagi Klinik Kesihatan sedang dikaji, buat masa ini Kementerian sedang dalam proses mengenal pasti tapak yang sesuai. Permohonan peruntukan untuk cadangan projek klinik kesihatan yang baharu hanya akan dapat dikemukakan kepada agensi pusat setelah urusan perolehan tapak selesai.

Bagi poliklinik Oya ataupun Klinik Kesihatan Oya pula, memandangkan tapak klinik sedia ada yang amat terhad iaitu hanya 1.068 ekar sahaja, maka kerja naik taraf seterusnya perlu dilaksanakan di kawasan atau tapak lain. Buat masa ini Kementerian sedang mengenal pasti tapak yang sesuai untuk dibuat perolehan.

■1440

Bahagian Sibul, Sarawak mempunyai 15 buah klinik kesihatan, satu Klinik Ibu dan Anak, satu Klinik Desa dan 10 Klinik 1Malaysia termasuk Klinik 1Malaysia *Campus Park* yang telah dibuka dan beroperasi pada 16 Oktober 2017.

Bagi Poliklinik Oya, Kementerian juga dari semasa ke semasa menyediakan alternatif dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah kesesakan yang berlaku di klinik-klinik kesihatan. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- (i) bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan dan mengurangkan masa menunggu, *blocked appointment system* dilaksanakan di mana setiap pesakit diberi tarikh dan masa temu janji yang tertentu bagi memastikan tidak terlalu ramai pesakit yang datang serentak ke klinik pada masa yang sama;
- (ii) mengadakan *extended hours* bagi pihak klinik yang mempunyai kedatangan harian yang tinggi seperti Klinik Kesihatan Lanang. Tambahan masa perkhidmatan adalah dari jam 5 petang hingga 9.30 malam; dan
- (iii) menambah bilangan pegawai perubatan di klinik-klinik kesihatan yang mempunyai kedatangan yang tinggi.

Bagi mengatasi masa menunggu pesakit lama untuk mendapatkan ubat, berikut adalah di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak farmasi untuk mengurangkan masa menunggu semasa pengambilan ubat di farmasi:

- (i) **Perkhidmatan Pendispensan Secara Temu janji**
Pesakit dengan preskripsi ulangan boleh mendapatkan perkhidmatan *dispensary* secara temu janji di mana ubat-ubatan akan disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh pengambilan bagi mempercepatkan proses pendispensan di kaunter.
- (ii) **Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M)**
Beberapa hospital dan klinik kesihatan ada menawarkan penghantaran ubat bagi preskripsi ulangan terus kepada pesakit di rumah atau di pejabat atau di alamat yang dikehendaki melalui Pos Laju dengan kos penghantaran ditanggung oleh pelanggan. Caj penghantaran yang dikenakan oleh Pos Laju adalah di antara RM5.30 sehingga RM6.40 bagi penghantaran dalam negeri Sarawak dan Sabah manakala di antara RM8.48 hingga RM10.60 bagi penghantaran dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia atau sebaliknya.
- (iii) **Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS)**
Semua farmasi hospital dan klinik kesihatan dalam Bandaraya Kuching, Bandar Sibu dan Bandaraya Miri ada memberikan perkhidmatan kepada pesakit untuk pengambilan ubatan ulangan di kaunter farmasi Klinik Kesihatan Malaysia UTC Kuching, Sibu dan Miri (8 pagi-9 malam setiap hari kecuali cuti

umum) juga di beberapa Klinik 1Malaysia seperti K1M Taman Malihah, Kuching, Klinik 1Malaysia Taman Rejang Sibul, Klinik 1Malaysia Farley Sibul, Klinik 1Malaysia Bandong Sibul dan Klinik 1Malaysia Taman Tunku Miri.

Para pesakit atau ahli keluarga hanya perlu berbincang dan mendaftar dengan pegawai farmasi di klinik kesihatan atau hospital di mana mereka mendapatkan rawatan untuk proses penghantaran ubatan preskripsi susulan melalui perkhidmatan yang bersesuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lanang, sehingga 17 Oktober 2017, terdapat 10 buah Klinik 1Malaysia di Bahagian Sibul. Dari jumlah ini, hanya dua Klinik 1Malaysia yang masih belum ditempatkan pegawai perubatan, iaitu di Klinik 1Malaysia Sungai Bidul dan Klinik 1Malaysia Rantau Panjang.

Pengoperasian Klinik 1Malaysia di Sibul adalah dengan mengoptimalkan jumlah perjawatan sedia ada, serta beban kerja yang terdapat di setiap Klinik 1Malaysia berkenaan. Jumlah anggota mengikut perjawatan ketika ini adalah seperti berikut iaitu:

- (i) 13 orang Pegawai Perubatan;
- (ii) 19 orang Penolong Pegawai Perubatan; dan
- (iii) 34 orang Jururawat.

Tambahan jawatan akan dibuat dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan daripada agensi pusat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pelaburan China di negeri Sabah

2.45 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 1 November 2016, lawatan rasmi Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ke China telah melakar pencapaian bersejarah menerusi pemeeteraian 14 perjanjian bernilai RM144 bilion. Ini bermakna negara kita akan melancarkan pelbagai projek pelaburan besar seperti pembinaan *East Coast Railway*, *Melaka Gateway* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya, pada Mei 2017, sembilan MoU telah ditandatangani antara Malaysia dan China bernilai RM31 bilion ketika lawatan rasmi Perdana Menteri ke China. Saya selaku wakil rakyat dari Sabah ingin mengetahui sama ada projek-projek yang disenaraikan daripada perjanjian-perjanjian serta MoU itu akan

dilaksanakan di negeri Sabah. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan semua projek pelaburan dari China yang akan datang di Sabah berikut dengan maklumat yang terperinci seperti anggaran kos, syarikat pelaburan dan tarikh pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, antaranya, saya baca berita China Xinhua melaporkan bahawa syarikat China akan membina *oil and gas pipeline* di Sabah. Ia akan menyambung dari Pantai Barat ke Pantai Timur Sabah untuk menghantar gas ke loji penjana kuasa gas di Sandakan.

Oleh kerana kerajaan berpendapat bahawa pembinaan *pipeline* di Pantai Barat ke Pantai Timur adalah mahal dan tidak efektif kos, justeru projek pembinaan loji ini berkali-kali ditangguhkan sehingga hari ini. Kenapa ia sanggup dilabur oleh syarikat China sedangkan kos projek ini begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian menyatakan maklumat-maklumat terperinci tentang projek tersebut. Berapa pelaburan dari syarikat China akan dilaburkan? Berapa perkongsian dari segi kos ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Jika syarikat China akan ditanggung kos keseluruhan, apakah manfaat diberi dari Kerajaan Malaysia kepada syarikat tersebut.

■1450

Memandangkan China telah melancarkan "*One Belt One Road*" di mana banyak projek infrastruktur khususnya akan dilabur di negara asing, saya ingin tahu adakah projek infrastruktur akan dilabur dari China di negeri Sabah khususnya projek menaik taraf Pelabuhan Sepanggar. Adakah ia akan bekerjasama dengan pihak dari China supaya pelabuhan Sabah tersebut dapat diperkembangkan untuk kebaikan ekonomi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, apakah strategi negara kita untuk menangkap peluang pelaburan ini supaya kepentingan negara kita khususnya Sabah yang kini masih di belakang dari segi pembangunan dapat dimanfaatkan dari inisiatif "*One Belt One Road*". Saya dengan ini mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

2.51 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan dari Ahli Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan, sebanyak 14 perjanjian atau memorandum telah dimeterai semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China pada 1 November 2016. Hasil daripada lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Beijing pada 13 Mei

2017 pula, sembilan pertukaran perjanjian atau memorandum B2B di antara Malaysia dan China bernilai RM31 bilion telah dimeterai.

Salah satu daripada sembilan perjanjian atau memorandum B2B yang ditandatangani adalah di antara Titijaya Land Berhad dan CREC *Development (M) Sendirian Berhad* (sebuah syarikat milik China) berhubung "*Framework Agreement in Engineering Procurement Construction and Commission Agreement of the Shore*", yang melibatkan projek pembangunan hartanah yang akan dilaksanakan di Kota Kinabalu, Sabah dikenali sebagai '*The Shore*'. Mengikut Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN), jumlah nilai pelaburan bagi projek tersebut adalah sebanyak RM575 juta. Menurut laporan perkembangan yang dikemukakan oleh Titijaya Land Berhad, kerja cerucuk (*piling works*) telah bermula dan telah pun mencapai 33 peratus pada 1 Oktober 2017.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dijelaskan bahawa kerajaan tidak pernah mempengaruhi keputusan pelabur asing untuk melabur di mana-mana lokasi di Malaysia dan akan menyokong keputusan pelabur yang dibuat berasaskan pasaran (*market driven economy*). Pelabur-pelabur asing bebas membuat keputusan dan pilihan berdasarkan analisis pasaran yang akan membantu dalam pembangunan perkhidmatan perniagaan atau penjualan produk syarikat. Ini termasuklah aspek pemilihan rakan pelabur tempatan bagi memulakan usaha sama (*joint venture*), dengan izin, dan lokasi-lokasi pelaburan bersesuaian yang dikenal pasti oleh pelabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2012 hingga tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara China sebanyak RM16.4 bilion dalam sektor perkilangan. Pelaburan ini melibatkan 119 projek dan dijangka menjana 28,303 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan ini, industri produk logam asas mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu berjumlah RM7.6 bilion, diikuti produk *electronic* dan *electrical* (RM5.3 bilion), produk galian bukan logam (RM2.1 bilion) dan tekstil dan produk tekstil (RM551.3 juta).

Bagi jumlah pelaburan dari negara China yang telah direalisasikan setakat tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan kumulatif dari negara China sebanyak RM14.2 bilion dalam sektor perkilangan. Pelaburan ini melibatkan 220 projek dan telah menjana 33,020 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang direalisasikan ini, industri produk logam asas mencatatkan pelaburan yang tertinggi iaitu sejumlah RM6.4 bilion, diikuti produk *electronic* dan *electrical* (RM4.7 bilion), produk galian bukan logam (RM1.4 bilion), dan tekstil dan produk tekstil (RM560.9 juta).

Pelaburan yang telah direalisasikan dari negara China setakat tahun 2016 berada di kedudukan kelapan.

Syarikat-syarikat China yang telah melaksanakan pelaburan di Malaysia antaranya adalah Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sendirian Berhad (logam asas), Comtec Solar International (M) Sendirian Berhad (industri solar), Jinko Solar Technology Sendirian Berhad (industri solar), Ji Kang Dimensi (M) Sendirian Berhad (logam asas), Xiamen University (perkhidmatan pendidikan), Huawei Technologies (Malaysia) Sendirian Berhad (ICT) dan CSR *Rolling Stock* (M) Sendirian Berhad (peralatan pengangkutan). Kesemua projek-projek ini melibatkan 100 peratus hak milik syarikat China.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah khususnya, dari tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM8 juta. Pelaburan ini melibatkan tiga projek dan dijangka menjana 132 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, industri kimia dan produk kimia mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi berjumlah RM4.9 juta, diikuti dengan industri peralatan pengangkutan (RM2.1 juta) dan industri produk getah (RM1 juta).

Jumlah pelaburan dari negara China dalam sektor perkilangan yang telah direalisasikan di Sabah setakat tahun 2016 adalah RM6 juta. Pelaburan ini melibatkan projek pengeluaran makanan dan produk plastik yang telah menjana 75 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan mengenai pembinaan *oil and gas pipeline* untuk menghantar gas ke loji jana kuasa gas di Sandakan, UPEN Sabah memaklumkan bahawa terdapat rancangan untuk membina projek talian paip minyak dan gas dari Pantai Barat ke Pantai Timur, Sabah untuk menghantar gas ke loji penjana kuasa gas di Sandakan. Walau bagaimanapun, projek ini masih lagi dalam peringkat awal di mana perincian projek masih belum dimuktamadkan. Projek ini adalah di bawah kawal selia Kementerian Kewangan dan tidak melibatkan pelaburan dari negara China buat masa kini.

Berhubung projek naik taraf pelabuhan Sepanggar pula, UPEN Sabah mengesahkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi projek perluasan dan naik taraf infrastruktur dan kemudahan-kemudahan di Sepanggar *Bay Container Port*. Projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan buat masa sekarang juga tidak ada melibatkan sebarang pelaburan daripada negara China.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan berhubung dengan inisiatif “*One Belt One Road*”, seperti mana sedia maklum, Malaysia dan China telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Bersama Menerusi Inisiatif Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun ke-21 pada 13 Mei 2017 di Beijing. Antara lain, bidang-bidang kerjasama yang digariskan dalam MoU tersebut adalah:

- (i) kesalinghubungan dalam projek-projek infrastruktur;
- (ii) mengukuhkan pengiktirafan bersama standard dan perkongsian maklumat, menambah baik kebolehcapaian lalu lintas dan rangkaian pengangkutan;
- (iii) kemudahan urus niaga e-dagang rentas sempadan di kalangan negara-negara “*Belt and Road*”;
- (iv) transformasi, menaik taraf dan inovasi teknologi dalam bidang perkilangan, terutamanya dalam keupayaan pengeluaran antarabangsa dan pembuatan peralatan; dan
- (v) kerjasama kewangan melalui peluasan penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan dan pelaburan.

Pelaksanaan “*Belt and Road Initiative*” (BRI) di Malaysia akan diselaraskan dengan dasar negara untuk menarik pelaburan langsung dari China dalam sektor-sektor terpilih yang akan memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. *Belt and Road Initiative* yang dilaksanakan di Malaysia adalah selari dengan dasar strategik Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia, mempercepatkan pembangunan modal insan, mengukuhkan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk kemakmuran rakyat Malaysia ke arah pembangunan hijau dan lestari.

Dasar pelaburan dan perdagangan negara yang sejajar dengan strategi *Belt and Road Initiative* akan menggalakkan pertukaran teknologi dan mewujudkan kerjasama baru dalam pelbagai bidang strategik. Malaysia akan dapat memanfaatkan *Belt and Road Initiative* untuk menerajui pembangunannya dalam infrastruktur, perdagangan, tenaga, kewangan dan alam sekitar. Inisiatif *Belt and Road Initiative* juga akan meningkatkan lagi hubungan rakyat antara dua buah negara.

■1500

Kini, negara China telah menjadi negara pengimport barangan Malaysia yang terbesar dan juga menjadi sumber utama pelancong asing ke Malaysia yang telah

memberi manfaat ekonomi kepada negara. Hubungan antara rakyat juga telah dapat dimanfaatkan melalui sektor pendidikan tinggi seperti penubuhan Xiamen University di Malaysia. Ini akan membantu mencapai aspirasi untuk menjadikan Malaysia hab pendidikan tinggi dirantau ini.

Satu lagi aspek *Belt and Road Initiative* yang akan memanfaatkan negara ialah melalui kesalinghubungan (*connectivity*), di mana fokus adalah untuk mengurangkan halangan perhubungan perdagangan antarabangsa serta meningkatkan kemudahan infrastruktur udara, darat dan juga laut. Kerjasama erat di antara Malaysia dan China dapat dilihat melalui perhubungan udara apabila syarikat penerbangan AirAsia diberi hak untuk menawarkan penerbangan domestik dalam negara China.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin dan menghargai setiap maklum balas konstruktif oleh semua pihak bagi memastikan setiap pelaburan langsung asing di Malaysia, termasuk dari negara China dapat memberi manfaat maksimum kepada negara dan rakyat. Sehubungan ini, pelbagai strategi dan langkah telah dan sedang di ambil bagi memastikan kepentingan negara terus terpelihara. Ini termasuklah dalam pelaksanaan projek-projek di bawah *Belt and Road Initiative* yang akan terus dipantau rapi oleh kerajaan bagi memastikan Malaysia mendapat manfaat sepenuhnya.

Sehubungan dengan usaha ini, Sekretariat Kebangsaan *Belt and Road Initiative* telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menyelaras, mempermudah dan memantau pelaksanaan *Belt and Road Initiative* di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 26 Oktober 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.02 petang]